



Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak
(Sarawak Federation of Women's Institutes)

BIL 141 JAN-DIS 2020

Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS 2020

9 MAC 2020

BILIK SEMINAR PPWS, KUCHING



Gambar kenangan sempena Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS 2020
di Ibu Pejabat PPWS, Kuching

Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS 2020 telah diadakan pada 9 Mac 2020 di Kuching, Sarawak. Mesyuarat telah dihadiri oleh seramai 30 orang ahli Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) dari seluruh Sarawak. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Dato Hajah Norhyati Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS.

Dalam ucapan aluan Pengerusi, beliau menyarankan agar Ahli Jawatankuasa yang dipilih untuk sesi tahun hadapan mempunyai komitmen dan integriti yang tinggi dalam mentadbir urus PPWS. Ujar beliau, PPWS perlu wujudkan projek yang mampan untuk komuniti (*sustainable community project*).

Mesyuarat kali ini membincangkan laporan-laporan aktiviti yang dianjurkan di 5 Kawasan PPWS. Selain itu, kaji selidik tentang minat ahli PPWS turut dibentangkan oleh setiap Kawasan PPWS masing-masing.



Nyanyian Lagu PPWS dimulakan sebelum mesyuarat bermula



Kata Aluan disampaikan oleh
YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail
Pengerusi Negeri PPWS

Perutusan Pengerusi Negeri



Segala puji dan syukur dengan limpah rahmat-Nya, kita sudah sampai ke penghujung tahun 2020.

Dalam kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas segala kerjasama yang diberikan oleh semua ahli PPWS sehingga majalah ini terus di terbitkan setiap tahun. Semoga penerbitan ini dijadikan sumber informasi kepada ahli-ahli PPWS maupun rakan strategik PPWS untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kegiatan serta inisiatif PPWS sepanjang tahun 2020.

Kita sedia maklum bahawa pelbagai program telah dirancang oleh semua Cawangan, Daerah dan Perkumpulan untuk sepanjang tahun 2020. Walau bagaimanapun, semenjak bulan Mac 2020, kita berhadapan dengan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Keadaan ini memaksa aktiviti PPWS di seluruh Sarawak yang telah dirancang sepanjang tahun ini perlu dibatalkan atau ditangguhkan pelaksanaannya mengikut keadaan semasa.

Di antara aktiviti yang dibatalkan ialah Program Larian "Black Pink", Program Berjalan Kaki-ACWW Women Walk the World yang dirancang diadakan di Sebuayu dan Program Dapur WI "Sihat, Ceria, Selamat".

Walau bagaimanapun, pembatalan aktiviti yang dirancang ini tidak mematahkan semangat ahli-ahli PPWS seluruh Sarawak untuk meneruskan apa juga perancangan dengan mengambil pendekatan norma baharu dan mematuhi prosedur standard operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Memandangkan tidak ada aktiviti perjumpaan dan berkumpulan diadakan seperti biasa seperti sebelum ini, maka Jawatankuasa Induk sebulat suara bersetuju agar aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam tempoh PKP hendaklah diadakan secara berkumpulan (dalam skala kecil) sementara penganjuran kursus dan pengendalian mesyuarat menggunakan kaedah secara dalam talian iaitu *video conferencing*.

PPWS dengan jayanya telah melaksanakan mesyuarat-mesyuarat di peringkat Cawangan dan Induk selain Mesyuarat Bersama Kakitangan diadakan secara dalam talian bagi memastikan pentadbiran dan pengurusan PPWS seluruh Sarawak berjalan dengan lancar. Kursus-kursus webinar menggunakan kaedah dalam talian turut diadakan seperti Kursus Pengurusan Tunai dan Kursus Pemasaran Secara Online anjuran Jawatankuasa Kecil Keusahawanan. Webinar yang bakal diadakan selepas ini untuk ahli-ahli PPWS di Kawasan ialah Wanita & ICT.

Terima kasih dan tahniah juga diucapkan kepada ahli-ahli PPWS yang turut bekerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) lain yang telah melaksanakan tanggungjawab sukarela membantu menjahit baju *Personal Protective Equipment (PPE)* untuk pasukan hadapan memerangi pandemik COVID-19, selain mengedarkan barang keperluan harian kepada mereka yang memerlukan.

Sepanjang sesi 2018-2020, ahli-ahli PPWS juga tidak ketinggalan diberi pendedahan dan peluang bagi menimba ilmu dalam literasi digital yang sememangnya menjadi keperluan pada masa sekarang. Bidang literasi digital juga selari dengan agenda Kerajaan Negeri Sarawak untuk memperkasakan komuniti di luar bandar khususnya dalam kesiapsiagaan digital sekali gus meningkatkan kemahiran digital melalui peningkatan kapasiti bakat dari aspek ekonomi komuniti setempat.

Dengan ini, saya menyeru kepada ahli-ahli PPWS untuk mengambil kesempatan dan peluang keemasan dengan menyertai pelbagai program atau inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan dan melengkapkan diri wanita dengan pengetahuan dan kemahiran supaya dapat membantu mereka berdepan dengan perkembangan digital.

Malah dengan wujudnya keadaan norma baru kini, aktiviti sehari-hari kita juga berubah. Kita perlu mencari jalan bagi menyesuaikan diri dengan keadaan norma baru ini dan mengambil kesempatan untuk belajar menggunakan teknologi digital agar diri kita menjadi lebih kreatif dan inovatif.

Setiap kita adalah pemimpin dengan cara yang tersendiri, jika dengan keluarga anda ialah isteri, jika dengan anak, anda adalah ibu yang membimbing keluarga ke arah masa depan yang lebih baik.

Saya yakin dengan adanya budaya kepimpinan yang positif dipraktikkan dalam organisasi PPWS, kita akan dapat terus menyemarakkan semangat positif dalam kalangan ahli-ahli PPWS yang terdiri daripada pelbagai kaum dan mengekalkan jenama PPWS dengan berkhidmat bersama masyarakat untuk meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran wanita ke arah Negeri Maju pada tahun 2030.

DATO HAJAH NORHYATI BINTI HAJI MOHD ISMAIL
Pengerusi Negeri,
Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)
Sesi 2018-2020



PERSEKUTUAN PERKUMPULAN WANITA SARAWAK

JOM SERTAI KAMI COME JOIN US



<http://www.ppws.org.my>

	sfw162@hotmail.com sfwi62@yahoo.com
	082-244015
	082-237395
	Ppws HQ
	Ibu Pejabat PPWS, Tingkat 1, Sublot 1, Lot 68-71, Jalan Green, 93150 Kuching

Misi

Berazam memberi peluang untuk wanita mencapai potensi dalam semua bidang serta meningkatkan taraf kehidupan dan status wanita menerusi kegiatan yang terancang dan berkesan.

Visi

Penggerak berdaya maju ke arah kesejahteraan dan kemakmuran wanita dan masyarakat dalam pembangunan negara.



Jamuan Perpisahan Bersama Pembantu Tadbir PPWS

7 JANUARI 2020

KAFE D' AIRIZ, KUCHING

Jamuan makan tengah hari telah diadakan sempena majlis perpisahan bersama Pembantu Tadbir PPWS, Puan Kethy Sura Tumin. Beliau telah berkhidmat di Ibu Pejabat PPWS sejak Julai 2009. PPWS menghargai jasa dan khidmat bakti beliau kepada PPWS dan mengucapkan selamat maju jaya dalam apa jua bidang yang beliau akan ceburi kelak.



Gambar kenangan bersama
Puan Kethy Sura Tumin

▶
Penyampaian cenderahati
kepada Puan Kethy
disampaikan oleh Puan
Norjanah binti Haji Razali,
Timbalan Pengerusi PPWS
sambil diperhatikan oleh
Puan Hilda Mesen Mayor,
Exco PPWS Kawasan
Miri/Bintulu



▶
Penyerahan Dokumen
Serahan Tugas Pembantu
KOPERWANIS kepada
Cik Nur Arrissa Mohamed
sambil diperhatikan oleh
Puan Norjanah Razali,
Timbalan Pengerusi PPWS
merangkap Pengerusi
KOPERWANIS



▶
Gambar kenangan
Puan Hajah Dayang
Mariam, Exco PPWS
Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit
merangkap Setiausaha
KOPERWANIS bersama
Puan Kethy Sura Tumin



▶
Penyerahan Dokumen Serahan Tugas
Pembantu Tadbir kepada Setiausaha Eksekutif
PPWS, Puan Rhohanniza Amika

Kelas Jahitan Beg Menggunakan Fabrik Jeans Terpakai Sempena Program Sew Green (Recycle)

8 JANUARI 2020

IBU PEJABAT PPWS, KUCHING

Persatuan Seni Jahitan Kreatif (PSJK) dengan pihak Pusat Latihan Kraftangan Epal Kuching telah bekerjasama dengan PPWS untuk menganjurkan Program Sew Green (Recycle).

Program kitar semula ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kepentingan aktiviti kitar semula serta menerapkan sikap mencintai alam sekitar di kalangan masyarakat tempatan di samping memberikan kemahiran menjahit ‘Beg Tote’ iaitu seluar jeans terpakai jadikan beg.

Menjadi tanggungjawab untuk setiap insan dalam dunia ini menjaga alam sekitar dan keharmonian generasi yang akan datang. Kemahiran jahitan yang ada pada seseorang individu itu dapat membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar dengan menghasilkan sesuatu produk/barangan melalui jahitan.

Seramai 20 orang peserta dalam kalangan ahli PPWS menyertai program ini dan tempat program ialah di Bangunan Ibu Pejabat PPWS, Jalan Green, Kuching.



▲ Sesi taklimat disampaikan oleh wakil dari EPAL



▲ Peserta kelas jahitan mula menggunting fabrik jeans yang dibawa oleh mereka masing-masing



Objektif program ini ialah:

1. Dapat menjalani kursus Latihan dan Kemahiran melalui Konsep Restyle
2. Memberikan pendedahan bagaimana melalui kemahiran jahitan berkonseptkan Restyle boleh menjana pendapatan.
3. Pendedahan dari pengetahuan mendapatkan modal yang rendah (seluar jeans terpakai) untuk menjana pendapatan melalui kemahiran restyle.
4. Memupuk sikap berjimat cermat - sikap berjimat cermat memberi banyak manfaat kepada pengamalnya seperti mereka boleh menabung atau mengurangkan penggunaan sesuatu sumber terutamanya sumber yang tidak boleh diperbaharui.



▲ Contoh beg jeans yang dihasilkan untuk rujukan peserta



▲ Puan Hajah Aishah Edris, Exco PPWS Kawasan Limbang/Lawas fokus untuk menyiapkan beg hasil tangan beliau

Mesyuarat Agung Perwakilan KOPERWANIS 2020

8 MAC 2020

BILIK SEMINAR PPWS, KUCHING

▼ Kata Aluan disampaikan oleh Puan Norjanah Razali,
Pengerusi KOPERWANIS




▼ Ahli Lembaga KOPERWANIS yang hadir dalam mesyuarat



◀
Ahli-ahli Mesyuarat
sedang membaca Buku
Laporan KOPERWANIS
yang diagihkan kepada
ahli mesyuarat



▲ Ahli-ahli Mesyuarat yang hadir dalam Mesyuarat KOPERWANIS



Taklimat Pengenalan Program Dapur W.I. "Sihat, Ceria Selamat"

9 MAC 2020
2.30 - 5.30 PETANG
BILIK SEMINAR PPWS, KUCHING

Taklimat berkenaan Program Dapur W.I. telah diadakan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak. Program diadakan sempena Program Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS 2020 yang berlangsung di Kuching, Sarawak.

Tiga (3) bahagian modul dibentangkan iaitu:

Modul 1	Pemakanan Sihat dan Selamat	Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Modul 2	Penghasilan Tanaman Makanan	Jabatan Pertanian Sarawak
Modul 3	Tingkah Laku Pemakanan	Universiti Malaysia Sarawak


Program yang sama akan dilaksanakan di 5 Kawasan PPWS seluruh Sarawak iaitu di Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri dan Limbang.




► Peserta mendengar dengan tekun taklimat yang disampaikan



► Sesi perbincangan dalam kumpulan sedang diadakan sambil penerangan disampaikan oleh Dr Rosalia Salmon dari UNIMAS



▼ Penyampaian cenderahati kepada Puan Jacqueline Joana ak Stanley Sating, Pegawai dari Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak



▼ Penyampaian cenderahati kepada Puan Mimy Idahazila Mahadi, Pegawai dari Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak




Dari Kiri: Puan Jacqueline, Puan Hajah Hamimah Haji Hasbullah, Puan Hajah Zainab Tambi



Dari Kiri: Puan Mimy Idahazila Mahadi, Puan Hajah Hamimah Haji Hasbullah, Puan Hajah Zainab Tambi



▼ Penyampaian cenderahati kepada Dr Rosalia Salmon, Pensyarah dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)



▼ Penyampaian cenderahati kepada Profesor Dr Razitasham Safii, Pensyarah dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)



Dari Kiri: Dr Rosalia, Puan Hajah Hamimah Haji Hasbullah, Puan Hajah Zainab Tambi



Dari Kiri: Prof. Dr Razitasham Safii, Puan Hajah Hamimah Haji Hasbullah, Puan Hajah Zainab Tambi



◆ Sesi pembentangan kumpulan berkenaan dengan tingkah laku pemakanan masing-masing yang perlu diubah ke arah lebih sihat



Program Santai Tengah Hari di Kediaman Penasihat PPWS

10 MAC 2020

KUCHING, SARAWAK

Jamuan makan tengah hari pada 10 Mac 2020 yang telah dihoskan oleh Penasihat PPWS, Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid di kediaman beliau.

Turut hadir ialah YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengurus Negeri PPWS.



▲ Gambar kenangan delegasi PPWS seluruh Sarawak dan Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri PPWS Sesi 2018-2020 bersama Penasihat PPWS, YBhg. Dato Hajah Rugayah Abdul Majid



▲ Ahli-ahli meluangkan masa bermain congkak sementara menunggu jamuan tengah hari disajikan

▼ Gambar ahli-ahli PPWS menjamu selera di kediaman Penasihat PPWS



Lawatan ke Kebun Tanaman Di Rumah

10 MAC 2020
JALAN DEPO, KUCHING

Lawatan ini adalah kesinambungan daripada Program Dapur W.I. "Sihat, Ceria, Selamat" yang telah diperkenalkan PPWS melalui Jawatankuasa Kecil Perhubungan (Kebangsaan/Antarabangsa).

Tuan Haji Osman merupakan Pesara Kerajaan dan hobi beliau adalah berkebun. Beliau mencuba cara penanaman pokok fig melalui kaedah fertigasi.



▲ Ahli-ahli PPWS sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh Tuan Haji Osman ▲



▲ Rombongan PPWS meninjau tanaman di kediaman Tuan Haji Osman



▲ Penyampaian cenderahati penghargaan kepada Tuan Haji Osman dan isteri, Puan Julia Sabri kerana menerima rombongan PPWS

Lawatan ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

10 MAC 2020

RAMPANGI, KUCHING

Lawatan ini adalah kesinambungan daripada Program Dapur W.I. "Sihat, Ceria, Selamat" yang telah diperkenalkan PPWS melalui Jawatankuasa Kecil Perhubungan (Kebangsaan/Antarabangsa).

Melalui lawatan ini, ahli-ahli didedahkan dengan penanaman pokok cili secara fertigasi selain melawat kilang pembuatan sos cili oleh anak tempatan Sarawak atas jenama Hyefiq.

Cili merah atau Capsicum annum adalah tanaman jangka masa singkat yang bernilai tinggi. Penanaman cili merah di negara ini dijalankan menggunakan kaedah konvensional dan sistem fertigasi.

Bagaimanapun, rata-rata petani menggunakan sistem fertigasi berikutan penanaman cili merah menggunakan teknologi ini terbukti dapat meningkatkan hasil dan mempunyai daya maju yang tinggi.

Kos atau modal permulaan tinggi akan diimbangi hasil pengeluaran yang tinggi. Ia juga terbukti berkesan dalam meningkatkan pertumbuhan dan hasil tanaman cili merah sehingga tiga hingga empat kali ganda berbanding kaedah konvensional.

Teknologi ini juga lebih mesra alam berbanding kaedah konvensional dan mengikut amalan pembangunan pertanian lestari, di samping mematuhi agenda pertanian negara.



▲ Encik Syafiq, Pengusaha Tanaman Cili dan Usahawan Bimbingan Jabatan Pertanian Sarawak sedang memperkenalkan diri dan pengalaman beliau dalam penanaman



▲ Ahli PPWS tekun mendengar penerangan oleh Encik Syafiq berkenaan tips penanaman pokok tanaman di rumah secara fertigasi



▲ Puan Norjanah Razali, Timbalan Pengurus PPWS menyampaikan cenderahati penghargaan kepada Encik Syafiq, Pemilik Syarikat Hyefiq





Mesyuarat Bulanan Jawatankuasa Kerja Negeri Sesi 2018-2020 yang terakhir pada tahun 2020 telah diadakan pada 28 Disember 2020. Antara Agenda Mesyuarat ialah pembentangan Laporan Kewangan PPWS selain aktiviti telah dan akan datang anjuran PPWS di seluruh Sarawak. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS.

Mesyuarat Bulanan Jawatankuasa Kerja Negeri Sesi 2018-2020

28 DISEMBER 2020
**IBU PEJABAT PPWS,
KUCHING**

Lawatan Penasihat PPWS Bersama Pengerusi Negeri Ke Tapak Tanah Baru PPWS

16 DISEMBER 2020
JALAN BAKTI, SAMARIANG



▲ YBhg. Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Penasihat PPWS berjalan menuju ke tapak tanah baru PPWS ditemani bersama Puan Sri Hajah Siti Khatijah Haji Othman, Ahli Dilantik PPWS dan beberapa orang Pegawai Juruukur daripada Jabatan Tanah dan Survei Kuching



▲ Penerangan daripada Encik Ishak, Pegawai Juruukur kepada wakil PPWS



▲ Gambar kenangan di tapak tanah baru PPWS di Samariang bersama pihak Jabatan Tanah dan Survei, Kuching

Kunjungan Kepada Penasihat PPWS

16 DISEMBER 2020
KUCHING, SARAWAK

Perjumpaan Dr Maria Corazon Cortez, CEO Faradale Media-M kepada YBhg. Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Penasihat PPWS pada 16 Disember 2020 untuk membincangkan berkaitan Penerbitan Majalah Khas Ulang Tahun Ke-60 PPWS. Turut serta dalam perjumpaan tersebut ialah YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengerusi Negeri PPWS dan Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS.



Program Green Fingers Maker

16 DISEMBER 2020
KUCHING, SARAWAK

Program Green Fingers Maker by TOCLAN dianjurkan di bawah Jawatankuasa Pengelola Program Dapur W.I. Program ini diadakan di Ibu Pejabat PPWS, Kuching. Peserta didedahkan dengan kaedah penanaman NFT-Hidroponik.



Ceramah "Digital Leadership In Digital Era"

25 Oktober 2020, Hotel Serapi, Kuching

Ceramah topik "Digital Leadership in Digital Era" sempena Majlis Jamuan Minum Petang diadakan oleh PPWS Kawasan Kuching/Samarahan pada 25 Oktober 2020 di Hotel Serapi, Kuching.

Program ini telah dihadiri oleh seramai lebih kurang 30 orang wakil Jawatankuasa PPWS di peringkat Daerah antaranya dari Kuching, Lundu/Sematan, Serian, Bau, Simunjan, Sebuyau, Asajaya. Turut hadir ialah Pengurus Negeri PPWS, YBhg. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail.

Ceramah disampaikan oleh Dr Azlina Bujang, Pensyarah Kanan UiTM Sarawak. Banyak perkongsian ilmu diperoleh ahli-ahli PPWS berkenaan dengan tips menjadi pemimpin wanita dalam masa era digital kini.

Penyampaian hadiah kepada Daerah Paling Aktif diberikan kepada PPWS Daerah Asajaya.



Gambar kenangan ahli-ahli PPWS bersama Pengurus Negeri, Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail dan Exco Kawasan Kuching/Samarahan iaitu Puan Salbiah Abdullah dan Puan Hajah Hamdiah binti Haji Mat.

Sesi memotong kek sempena Hari Lahir Pengurus Negeri, Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail dan Pembantu Pejabat PPWS, Encik Dol bin Sulaiman sambil diperhatikan oleh tetamu di meja utama



Ceramah disampaikan oleh Dr Azlina Bujang, Pensyarah Kanan UiTM Sarawak

Sumbangan kepada Golongan Asnaf

25 Oktober 2020, Kuching, Sarawak



PPWS Cawangan Kampung Sri Arjuna telah menyampaikan sumbangan derma kepada golongan asnaf di sekitar Kampung Sri Arjuna, Batu 11, Kuching. Semoga usaha murni ini dalam membantu meringankan beban golongan yang memerlukan diteruskan lagi di masa akan datang.

Penyerahan Sumbangan Kepada Mangsa Kebakaran Rumah Di Kampung Bintawa Ulu

21 November 2020



Bengkel Penanaman Tauge

21 November 2020, Kampung Hulu Serian, Serian

Bengkel Penanaman Tauge anjuran Agrotech Academy Serian telah dihadiri oleh ahli-ahli PPWS dari Kampung Hulu Serian selain Wanita AIM Serian, Biro Wanita Kampung Hulu Serian. Diharap bengkel ini memberi manfaat kepada wanita-wanita yang telah menghadirinya.



Gambar kenangan kepada semua peserta bengkel



Para peserta menunjukkan hasil tanaman tauge masing-masing

Penyerahan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Kampung Bintawa Ulu telah disampaikan oleh PPWS bagi membantu meringankan beban yang ditanggung oleh mereka yang memerlukan. Untuk makluman, lima (5) buah rumah termasuk kenderaan telah keseluruhannya terbakar. Diharap mangsa bersabar dan tabah menghadapi dugaan ini.

Tahniah Jawatankuasa PPWS Kawasan Kuching Samarahan dan Jawatankuasa PPWS Daerah Kuching serta ahli-ahli PPWS lain yang memberikan sumbangan secara lansung dan tidak lansung bagi menjayakan misi bantuan pada kali ini. Semoga Tuhan merahmati segala usaha kita membantu mereka yang memerlukan.

Gambar Kenangan Sempena Mesyuarat Tahunan PPWS Cawangan-Cawangan Sepanjang Bulan Januari 2020



▲ PPWS Cawangan Agropolitan Sedku



▲ PPWS Cawangan Kpg Perintah



▲ PPWS Cawangan Simanggang Town



▲ PPWS Cawangan Kpg Tengah Lingga



▲ PPWS Cawangan Stumbin



▲ PPWS Cawangan Kpg Hulu Lingga



▲ PPWS Cawangan Sesang & Kabong



▲ PPWS Cawangan Kpg Hulu Lingga



▲ PPWS Cawangan Bakong



▲ PPWS Cawangan Meludam



▲ Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Daerah Sri Aman Tahun 2020 telah diadakan pada 7 Januari 2020. Mesyuarat telah dihadiri oleh seramai 18 orang ahli. Mesyuarat ini diadakan untuk membentangkan laporan aktiviti dan laporan kewangan.



▲ Jamuan Makan Malam Sempena Tahun Baru Cina telah dianjurkan oleh PPWS Cawangan Simanggang Town pada 2 Februari 2020. Seramai 40 orang ahli telah hadir memeriahkan program ini.



▲ PPWS Cawangan Simanggang Town telah menyertai Perarakan Chap Goh Mei pada 8 Februari 2020 di Tokong Sri Aman. Seramai 16 orang ahli menyertai perarakan ini.



▲ Mesyuarat Perjumpaan Tahunan Kawasan Sri Aman Tahun 2020 telah diadakan pada 9 Februari 2020 di Bangunan PPWS Kawasan Sri Aman. Puan Masnah Haji Ramli, Exco PPWS Kawasan Sri Aman dan Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS turut hadir.

Lawatan Muhibah PPWS Sri Aman ke Kuching dan Sematan telah diadakan pada 14 sehingga 16 Februari 2020. Seramai 20 orang ahli mengikuti rombongan ini. Antara aktiviti yang diadakan ialah melawat PPWS Daerah Lundu/Sematan, melawat Ibu Pejabat PPWS, Kuching, melawat D' Athirah Magic Sewing Academy dan melihat demonstrasi kraftangan serta menikmati jamuan makan malam di kediaman Yang Berhormat Puan Hajah Simoi binti Haji Peri, ADUN Lingga ▼



▲ Lawatan ke Sematan



▲ Lawatan ke Ibu Pejabat PPWS, Kuching



◀ Jamuan makan malam di kediaman YB Puan Hajah Simoi, ADUN Lingga



Aktiviti Gotong Royong 9 Ogos 2020

◀ Seramai 7 orang ahli PPWS Cawangan Kampung Hilir Lingga bergotong-royong membantu membersihkan surau di kampung tersebut

Program Memasak Bubur Asyura 29 Ogos 2020



2 orang ahli dari PPWS Cawangan Kampung Baru Betong sedang memasak bubur asyura untuk agihan kepada penduduk kampung

Aktiviti Memasak Bubur Cha-Cha 31 Ogos 2020



5 orang ahli PPWS Cawangan Kampung Lemanaik telah bergotong-royong memasak bubur cha-cha sempena menyambut Hari Kebangsaan. Aktiviti telah dihadiri oleh seramai 15 orang ahli PPWS

Program Kemerdekaan 31 Ogos 2020



◀ Seramai lebih kurang 30 orang ahli meriahkan Program Kemerdekaan yang dianjurkan oleh PPWS Cawangan Agropolitan Seduku



◀ Program Gotong Royong Cegah Denggi telah diadakan pada 15 Februari 2020. Program ini dianjurkan oleh PPWS Cawangan Kampung Baru, Betong di sekitar kampung mereka. Seramai 12 orang ahli menyertai program ini.



◀ Majlis Santai Hi-Tea telah dianjurkan oleh PPWS Cawangan Kampung Baru, Betong di kafe JR Betong pada 21 Februari 2020. Seramai 25 orang ahli PPWS telah menyertai jamuan ini.

Mesyuarat PPWS di Peringkat Cawangan



◀ Mesyuarat pada 19 September 2020 diadakan di rumah Pengurus PPWS Cawangan Kampung Lemanak bagi membincangkan aktiviti-aktiviti Cawangan

◀ Ahli-ahli dari PPWS Cawangan Pusa sedang menjamu selera setelah mesyuarat Cawangan selesai diadakan

Majlis Makan Malam Tahun Baru anjuran PPWS Daerah Sri Aman

31 Disember 2020, Sri Aman, Sarawak

◀ Majlis Makan Malam ini diadakan untuk memberi penghargaan kepada Jawatankuasa PPWS Daerah Sri Aman bagi Sesi 2018-2020 atas komitmen ahli-ahlinya menjayakan aktiviti atau program sepanjang tahun. Selain itu, majlis ini turut diadakan bagi meraikan Tahun Baru 2021.



Makan Malam Santai Bersama PPWS Daerah Limbang telah dianjurkan oleh PPWS Daerah Daro pada 8 Februari 2020. Seramai 60 orang ahli termasuk rombongan dari PPWS Daerah Limbang diraikan pada malam tersebut.



Program Tazkirah dan Ramadan Lambuk telah diadakan pada 15 April 2020 oleh PPWS Cawangan Kampung Baru Kapit. Program ini adalah sempena bulan puasa.



Makan Malam Santai diadakan pada 9 Februari 2020 dan dihadiri oleh seramai 70 orang ahli PPWS. Tujuan makan malam ini diadakan untuk menyambut kedatangan PPWS Daerah Limbang ke Sibu.

Turut hadir ialah Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha, Exco PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit.



Demonstrasi membuat kuih tradisional anjuran PPWS Daerah Sibu telah diadakan pada 10 Februari 2020 di Bangunan PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit. Demonstrasi membuat kuih ini turut dihadiri oleh ahli-ahli PPWS Daerah Limbang.

Sumbangan kepada PERYATIM Sibu sempena bulan puasa telah diadakan oleh PPWS Cawangan Sukun, Sibu pada 5 Mei 2020. Sumbangan makanan dan sejumlah wang tunai telah disampaikan oleh Puan Rabiah Haji Bohari, Penggerusi PPWS Cawangan Sukun, Sibu.



Jawatankuasa PPWS Cawangan Abang Barieng, Sibu telah menganjurkan Program Ziarah dengan menziarahi ahli-ahli Cawangan mereka yang kurang sihat pada 4 Januari 2020.



Lawatan ke Pusat Pemuliharaan Dalam Komuniti (PDK) Nur Qaseh Nangka, Sibu Bersama PPWS Daerah Limbang telah diadakan pada 10 Februari 2020. Tujuan lawatan ialah memberi sumbangan kepada anak-anak istimewa dan meninjau aktiviti harian mereka di PDK tersebut.

Mesyuarat Perjumpaan Tahunan Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit Tahun 2020 telah diadakan pada 29 Februari 2020 di Bangunan PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit. Seramai 32 orang ahli PPWS yang hadir ke mesyuarat tersebut. Turut hadir ialah Exco PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit iaitu Puan Hajah Dayang Maryam Haji Abang Mustapha dan YBhg. Datin Mary Masing selain Puan Rhoanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS.



Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Daerah Sarikei Tahun 2020 telah diadakan pada 12 Januari 2020 di Bangunan PPWS Daerah Sarikei. Seramai 35 orang ahli telah hadir ke mesyuarat tersebut dan mesyuarat telah dipengerusikan oleh Puan Haidah Nor, Penggerusi PPWS Daerah Sarikei.



Program Cakna Ziarah telah diadakan oleh PPWS Cawangan Abang Barieng, Sibu pada 13 Januari 2020. Program ini telah diadakan untuk memberi penghargaan bagi mengenang jasa dan sumbangan ahli veteran PPWS khususnya dalam Cawangan tersebut.



Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Daerah Sibu Tahun 2020 telah diadakan pada 1 Februari 2020. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh seramai 35 orang ahli PPWS termasuk Exco PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit, Puan Ummu Hani Junaidi, Timbalan Pengurus PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit dan Pengelola PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit, Puan Maimunah Yusuf.



Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Cawangan Song Tahun 2020 telah diadakan pada 25 Januari 2020. Mesyuarat ini dihadiri oleh seramai 45 orang ahli PPWS.



Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Daerah Kapit Tahun 2020 telah diadakan pada 2 Februari 2020. Seramai 30 orang ahli telah hadir ke mesyuarat tersebut. Puan Ummu Hani Junaidi, Timbalan Pengurus PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit dan Puan Maimunah Yusuf, Pengelola PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit turut hadir.



Jawatankuasa PPWS Daerah Daro telah membuat kunjungan ke rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina kepada ahli berbangsa cina pada 25 Januari 2020 untuk mengeratkan silaturahim di antara mereka.



Rombongan dari PPWS Daerah Limbang telah melawat kilang pemprosesan kuih sepih di Kampung Judan pada 7 Februari 2020. Puan Jasni, Pengurus PPWS Daerah Mukah dan beberapa orang Ahli Jawatankuasa PPWS Daerah Mukah telah mengiringi rombongan ini.



Seminar Bijak Tangani Stres telah diadakan pada 1 Februari 2020 di Bangunan PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit. Seminar telah disertai oleh seramai 50 orang peserta. Seminar telah disampaikan oleh Puan Khairunnisa Mohd Mozie, Pegawai Psikologi, Bahagian Integriti dan Pematuhan Standard, Ibu Pejabat Polis Daerah Sibu.



Seramai 13 orang ahli PPWS Cawangan Bunga Raya dengan kerjasama Jawatankuasa PPWS Daerah Sibu telah mengadakan ziarah ke rumah salah seorang ahli, Puan Julia Si Manis yang baru menjalani pembedahan di bahagian kaki kanan. Sumbangan berupa wang tunai dan keperluan harian disampaikan oleh wakil Jawatankuasa PPWS Daerah Sibu kepada beliau.

**Program Kibar
Jalur Gemilang**
14 Ogos 2020



▲ Ahli-ahli di Daerah Sibu termasuk Puan Belkis Kipli, Pengurus PPWS Daerah Sibu telah sama-sama bergotong royong menggantung Jalur Gemilang di perkarangan Bangunan Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit.

**Gotong Royong Mengemas Rumah
PPWS Kampung Baru Kapit**

15 Ogos 2020



▲ Ahli PPWS Cawangan Kampung Baru Kapit termasuk Puan Noraini Abdullah, Pengurus PPWS Daerah Sibu telah mengadakan gotong royong mengemas rumah PPWS.

**Gotong-Royong Memasak Bubur Asyura
Sempena Bulan Muharram**

30 Ogos 2020



▲ PPWS Cawangan Jalan Haji Karim, Sarikei yang dipengerusikan oleh Puan Haidah Nor telah mengadakan aktiviti gotong royong memasak bubur asyura sempena bulan Muharram (Maal Hijrah 1442H) yang diadakan di tempat kediaman rumah Pn Rabiah Saee, Timbalan Pengurus. Tujuan aktiviti diadakan bagi mengerakkan silaturahim di antara ahli-ahli di Cawangan.

**Program Pengagihan
Bubur Asyura dan
Barangan Keperluan
Kepada PERYATIM Sibu**

30 Ogos 2020



4 orang ahli mewakili PPWS Cawangan Sukun, Sibu telah menyampaikan barang keperluan dapur kepada PERYATIM Sibu dan juga mengagihkan bubur asyura dengan anak-anak yang tinggal di PERYATIM Sibu sempena Hari Asyura.

Sambutan Hari Merdeka
31 Ogos 2020



▲ Seramai lebih kurang 50 orang ahli PPWS Cawangan Kampung Jerijeh Baru telah mengadakan perarakan sempena Sambutan Hari Merdeka. Ahli-ahli berlara dalam kawasan perkampungan.

**Program Merdeka anjuran PPWS
Daerah Sarikei**

2 September 2020



▲ Seramai 40 orang ahli termasuk Pengurus Daerah Sarikei, Puan Haidah Nor telah mengadakan Program Merdeka anjuran bersama Jabatan Penerangan Daerah Sarikei yang dirasmikan oleh Encik Joseph James, Pegawai Penerangan Daerah Sarikei. Program diadakan di Bangunan PPWS Daerah Sarikei.

**Sambutan Hari Malaysia dan
Memasak Bubur Asyura**

16 September 2020



▲ Seramai 10 orang ahli PPWS Daerah Sibu telah memasak bubur asyura sempena Sambutan Hari Malaysia. Aktiviti memasak bertempat di bangunan PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit. Puan Ummi Hani Junaidi, Timbalan Pengurus Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit turut hadir memeriahkan program tersebut.

Senam Santai

21 September 2020

Seramai 20 orang ahli PPWS Cawangan Kampung Belawai, Sarikei telah mengadakan Program Senam Santai di perkarangan Tapak Pesta Belawai. Aktiviti ini diadakan untuk mempromosikan gaya hidup sihat.



Mesyuarat-Mesyuarat PPWS di Peringkat Cawangan dan Daerah



▲ Ahli PPWS Cawangan Emerald Kapit serta Pengurus Cawangan ini, Puan Evelyn telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan pada 22 September 2020 untuk membincangkan aktiviti-aktiviti Cawangan. Mereka turut memotong kek sempena Sambutan Hari Malaysia.

Jawatankuasa PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit telah mengadakan Mesyuarat Kawasan pada 4 Oktober 2020. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Puan Ummu Hani Junaidi, Timbalan Pengurus Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit. Turut hadir ialah Yang Berbahagia Datin Mary Masing, Exco Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit. Tujuan utama mesyuarat ialah membincangkan pengaktifan semula Cawangan-Cawangan yang berkaitan dalam PPWS.

▲ Jawatankuasa PPWS Daerah Sarikei telah mengadakan Mesyuarat Daerah pada 27 September 2020 bertempat di Bangunan PPWS Daerah Sarikei. Tujuan mesyuarat untuk membincangkan program dan aktiviti Daerah.



Minum Santai

11 Oktober 2020



Berita Kawasan
Sibu / Sarikei / Kapit

◀ Seramai 40 orang ahli telah menghadiri Minum Santai anjuran PPWS Daerah Sarikei, bertempat di Bangunan PPWS Daerah Sarikei. Turut hadir ialah Yang Berbahagia Datin Mary Masing, Exco PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit.

Penyerahan Sumbangan Kerusi Roda Kepada Ahli PPWS

24 Disember 2020
Kampung Kemarau, Jalan Puan Sri Tiong, Kapit

PPWS Daerah Kapit telah menyerahkan sumbangan kerusi roda kepada salah seorang ahli PPWS iaitu Puan Nur Juhadai Abdullah yang telah terlantar sakit di katil selama 4 tahun.



▲ Anak beliau menerima penyerahan sumbangan kerusi roda daripada PPWS Daerah Kapit

▲ Puan Nur Juhadai Abdullah cuba untuk duduk di kerusi roda sambil bergambar dengan ahli-ahli PPWS

Ucapan Tahniah



Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail atas penganugerahan Anugerah Ketua Menteri Kepimpinan Wanita sempena Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Sarawak pada 29 Ogos 2020 di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK)

PWS Daerah Bekenu dalam Kawasan Miri/Bintulu sedang mengadakan Latihan program (Skills to Society) kerjasama dengan Giat Mara Sibuti dalam bidang kuih dan pastri. Latihan program ini berlangsung dari 18 Julai sehingga 26 Julai 2020. Seperti jadual yang dikepilkhan. Seramai 21 orang ahli PPWS daerah Bekenu mengikuti Latihan program tersebut diadakan di Rumah PPWS Bekenu. Semua kos latihan ini ditanggung oleh Giat Mara Sibuti. Dengan adanya program latihan ini, semua peralatan yang digunakan seperti ketuhar bersaiz besar, mesin pengadun bersaiz besar, *stainless steel prep table*, dan *chiller* diperuntukkan kepada PPWS Daerah Bekenu. Tujuan utama ialah Giat Mara hendak menjadikan Rumah PPWS Daerah Bekenu tempat pengeluaran produk dan sekaligus menjana pendapatan ahli PPWS Daerah Bekenu. Tenaga pengajar adalah dari Giat Mara.

1. Jadual Pembelajaran.

BIL	TARIKH	TAJUK PEMBELAJARAN	JUMLAH JAM
1.	18/07/2020	Keselamatan, Peralatan, Pengenalan Bahan Latihan, Etika Berpakaian dan pengenalan produk ringkas (pelbagai jenis biskut etc).	7
2.	19/07/2020	Pengenalan Konseo Pastri, Bakeri dan Dessert (<i>Hot & Cold</i>).	7
3.	20/07/2020	Penyediaan Kuih Muih Tradisional/produk / sejukbeku / produk mee.	7
4.	21/07/2020	Menyediakan Pelbagai Bun (<i>sweet/savoury</i>) / tartlet/.	7
5.	22/07/2020	Menyediakan Pelbagai Kek Mentega / Kontinental.	7
6.	23/07/2020	Menghasilkan Choux / Puff Pastry / Brownie / Churros.	7
7.	25/07/2020	Kusahawan – Motivasi Peserta.	7
8.	26/07/2020	Keusahawanan – Penubuhan Perniagaan.	7
JUMLAH JAM			56

2. Peralatan yang digunakan/diperuntukkan.



3. Sesi Pembelajaran.



4. Tenaga Pengajar.



5. Hasil Produk Pembelajaran.



7 - 11 Februari 2020



▲ Gambar kenangan Yang Berhormat En Johnie bin Zawawi, Ahli Parlimen P207 Igan bersama PPWS Daerah Daro sempena Lawatan Jalinan Mesra PPWS Daerah Limbang ke PPWS Kawasan Sibu/Sarakei/Kapit



11 Februari 2020

▲ Puan Hajah Jalila binti Haji Besar, Pengurus PPWS Daerah Limbang menyerahkan cenderahati kepada Puan Julianna Haji Sidi, Timbalan Pengurus PPWS Kawasan Miri/Bintulu sempena Lawatan Jalinan Mesra



29 Februari 2020

▲ Yang Berhormat Dato Henry Sum Agung, Ahli Parlimen P222 Lawas telah merasmikan Program Santai Riadah PPWS Daerah Lawas di Waterfront Lawas



7 Mac 2020

14 Mac 2020

► Seramai 80 orang ahli PPWS telah menyertai Pertandingan Badminton Berpasukan anjuran PPWS Daerah Limbang dengan kerjasama PPWS Kampung Patiambun Limbang yang diadakan di Dewan Serbaguna Kampung Patiambun, Limbang



Pengerusi PPWS Taman Desa Pabahanan, Puan Armah bt Usop (pertama dari kiri) bersama beberapa orang ahli Cawangan telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar Ke Kebun Timun Fertigasi Gantung Sistem Terbuka

Penyerahan Sumbangan Khairat Kematian Kepada Suami Mendiang Puan Sakoi Ak. Rawi (AJK Daerah Limbang/ Pengurus Cawangan PPWS Rumah Siad) pada 10 Jun 2020 ▼



Majlis Penerimaan Outright Grant Daripada Pusat Khidmat Rakyat P221 Limbang, Tuan Hj Hasbi B. Habibollah (Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia Merangkap Ahli Parlimen P221 Limbang)



Program Ceramah Permulaan Kerjaya Dalam Bidang Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Anjuran Bersama PPWS Kawasan Limbang Lawas Bersama Kenyalang WCCT Sdn Bhd



◀ Sambutan Hari Malaysia PPWS Daerah Limbang Pada 16 September 2020



Majlis Bacaan Tahlii Dan Penyerahan Sumbangan Khairat Kematian Kepada Keluarga Allahyarhamah Puan Hjh Saadiah Bt Hj Lakim (AJK Kawasan/AJK Daerah Limbang/Pengerusi Cawangan PPWS RPR Batu Biah Limbang) pada 17 Julai 2020 ▼



Sambutan Hari
Malaysia PPWS
Daerah Lawas pada
16 September 2020



Program Sumbangan SFWI Care & Share PPWS Kawasan Limbang Lawas

25 Julai 2020 (Limbang)
27 Ogos 2020 (Lawas)



Penerima 7 : Shirley Nubur ▲



Penerima 8 : Julianne Binti Alias ▲



Penerima 9 : Raya Binti Durahman ▲

Penerima 2 : Limah Binti Tarsat ▲

Penerima 5 : Siambai Binti Mohamad ▲



Penerima 3 : Nora Musa ▲



Penerima 6 : Tunung Agung ▲



Penerima 10 : Dyg Basar Binti Kahar ▲